

Baju Melayu moden jejas identiti unsur ketimuran

KUALA LUMPUR - Perubahan drastik rekaan kontemporari baju Melayu disifatkan telah menghakis unsur ketimuran sekali gus memberi kesan negatif kepada budaya yang menjadi warisan satu ketika dahulu.

Trend pemakaian baju Melayu yang sendat, gabungan warna yang terlalu menonjol serta pemilihan kain yang nipis mungkin dilihat menarik bagi segelintir pihak namun tidak

kurang juga mendapat kritikan hebat dalam kalangan netizen.

Felo Utama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong berkata, berdasarkan sejarah baju Melayu tradisional seharusnya menerapkan ciri-ciri ajaran Islam serta melambangkan jati diri kemelayuan itu sendiri.



KOK SEONG

“Rekaan yang menjadi ikutan generasi muda kini dilihat lebih kepada daya kreatif semata-mata tanpa mengambil kira penerapan budaya yang sinonim dengan masyarakat tempatan. “Justeru, rekaan fesyen ini perlu diseimbangkan agar ianya tidak menjejaskan identiti orang Melayu satu ketika nanti,” katanya ketika

dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Fesyen Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi Mara, Faizal Hamid memberitahu, lazimnya rekaan terbaharu yang dihasilkan pereka fesyen adalah cubaan untuk kekal relevan dalam industri tempatan.

“Niat ini adalah murni. Bagaimanapun ia perlu menghormati sosio budaya masyarakat setempat,” ujarnya.



BAJU Melayu moden dikritik hebat kerana ia akan mengikis unsur ketimuran. - Gambar hiasan